

Kerjasama antara universiti hasil penyelidikan kualiti

S+ 12 Mei 2010 T2

RAIHAM MOHD SANUSI

KUALA TERENGGANU -

Setiap universiti di negara ini yang mahu menjalankan penyelidikan digalakkan menjalin kerjasama dengan universiti lain supaya kepar-karan dapat dikongsi bersama dan hasil penyelidikan lebih terserlah.

Pengarah Nations University- International Institute for Global Health (UNU-IIGH), Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia (HUKM), Tan Sri Professor Datuk Dr Mohd Salleh Mohd Yasin berkata, hasil penyelidikan akan lebih berkualiti jika tenaga kepar-karan yang dimiliki sesebuah universiti dapat menyumbang tenaga serta idea bersama dalam sesebuah projek penyelidikan.

Bagaimanapun, katanya, penyelidikan yang mahu dilakukan perlulah dalam bidang yang masih belum diterokai dan relevan untuk

negara serta dunia sejagat.

"Dari segi kepakaran, setiap universiti di negara ini memiliki banyak tenaga pa-kar, cuma ia bergantung kepada universiti berkenaan bagaimana mahu mencanai kepakaran itu.

"Justeru, jika mahu hasil penyelidikan lebih menyerlah, setiap universiti harus mempunyai rakan kongsi dari universiti tempatan lain dan sama-sama duduk ber-bincang untuk mengenal pasti projek penyelidikan dalam bidang baru," ka-tanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan program Universiti Malaysia Terengganu International Annual Seminar on Sustainable Science And Management (UMTAS) kali kesembilan, anjuran Universiti Malaysia Terengganu (UMT) di Hotel Permai Inn, di sini, semalam.

Hadir sama, Naib Canselor UMT, Profesor Dr Aziz



● Aziz (duduk, kiri) menandatangani MoU bersama wakil UTM sambil disaksikan Mohd Salleh (tiga dari kanan) sempena majlis perasmian UMTAS di Hotel Permai Inn, semalam.

Deraman dan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa UMT, Profesor Dr Noor Azhar Mohd Shazili.

Sementara itu, beliau yang juga Pengerusi Majlis Kelayakan Malaysia (MOA) tidak menafikan, sehingga kini masih terdapat kursus dan program pengajian yang ditawarkan di universiti serta institusi pengajian tinggi (IPT) lain yang tidak menda-

pat pengiktirafan MOA.

"Bagaimanapun, bagi kursus pengajian yang tidak mendapat kelulusan pada peringkat pertama, kita akan berikan nasihat kerana kalau boleh kita mahu semua kur-sus pengajian diiktiraf dan mempunyai akreditasi su-paya pelajar terutama dari luar negara tidak ragu dan was-was dengan kursus pengajian yang ditawarkan

IPT negara kita," katanya.

Dalam pada itu, sempena majlis perasmian itu, UMT turut menandatangani me-morandum persefahaman (MoU) bersama Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

Aziz berkata, kerjasama itu akan membabitkan per-tukaran profesor antara ke-dua-dua universiti dalam usaha pembangunan produk semula jadi seperti herba.